

# Saya tidak akan merasa letih jika lawatan berhasil — Dr. M

U.M. 24 NOV 1992

DAKAR (Senegal) 23 Nov. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, walaupun beliau merasa letih apabila membuat lawatan ke luar negara tetapi beliau tidak keberatan melakukannya demi kepentingan kerjasama Selatan-Selatan.

Perdana Menteri yang telah melawat setiap benua di dunia, berkata jika lawatan-lawatan ke luar negara itu mendatangkan hasil yang di-hajati, ia akan menjadi bermakna dan menghilangkan kepenatan yang dialami.

"Saya merasa letih tetapi saya masih muda pada usia 67 tahun," kata Dr. Mahathir kepada para wartawan Ma-

laysia di bilik hotelnya sêmasa ditanya mengenai lawatan-lawatan yang begitu banyak dilakukannya.

Sebelum ke sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 15 negara-negara membangun, Dr. Mahathir telah melakukan lawatan rasmi lima hari ke Namibia.

Dan selepas tiga hari di sini, beliau akan ke Tunisia pada Selasa untuk satu lagi lawatan rasmi.

Seorang wartawan bertanya Perdana Menteri sama ada beliau mempunyai rahsia mengatasi kepenatan berjalan sedangkan beberapa wartawan Malaysia yang membuat

(P) Mahathir overseas lips.

liputan lawatan beliau tidak terikut langkahnya.

Beliau ketawa mendengar soalan itu dan berkata: "Tiada sebarang rahsia tetapi anda merasakan ia sesuatu yang anda suka lakukan. Saya juga merasa letih sebenarnya."

"Tetapi jika lawatan-lawatan itu memberikan hasil, saya tidak akan merasa keletihan," tambah beliau.

Semasa ditanya sama ada beliau akan mengadakan lawatan lagi sebelum akhir tahun, beliau menjawab: "Tidak. Cukuplah dan selepas Tunisia saya akan pulang."

Katanya, beliau suka jika dapat melawat sesuatu nega-

ra paling lama tiga hari tetapi kerana sebab-sebab tertentu kadangkala sesuatu lawatan itu mengambil masa hingga lima hari seperti lawatannya ke Namibia.

"Saya hendak balik. Kerja banyak di tanah air.. selepas ini kerja bertimbun."

## Menarik

Dr. Mahathir menvifatkan lawatannya ke Namibia sebagai amat menarik kerana beliau mula memahami bagaimana negara itu membangun selepas diperintah oleh kuasa lain sebelum ini.

Beliau berkata Windhoek, ibu negara Namibia, amat

menarik dan cantik tidak seperti kebanyakan ibu kota negara Afrika yang lain.

"Ia sangat moden seperti Eropah. Ia mempunyai infrastruktur yang amat baik walaupun ia tidak mempunyai sumber air."

Dr. Mahathir berkata, beliau yakin kerajaan di Namibia yang mengambil alih ekoran kemerdekaannya dari Afrika Selatan pada 1990 akan membawa kemajuan ekonomi yang lebih besar dengan infrastrukturnya yang amat baik dan cara pentadbirannya yang berbeza daripada negara-negara Afrika yang lain.

Semasa ditanya mengenai hubungan Malaysia dengan

Afrika Selatan pada masa depan, beliau berkata Malaysia sebagai anggota Komanwel harus mematuhi keputusan-keputusan yang diambil oleh kumpulan itu mengenai Afrika Selatan.

Pada masa ini Komanwel hanya membenarkan anggota-anggotanya mengadakan hubungan antara rakyat dengan rakyat dan bukan kerajaan dengan kerajaan.

Disebabkan itu, status hubungan Malaysia buat masa ini akan kekal pada peringkat yang ada sekarang. — Bernama.